



# UTHM ketengah konsep *carboot sales*

**P**EJABAT Hubungan Universiti dan Masyarakat (PHUM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus menetengahkan konsep perniagaan *carboot sales* di kampus dengan menganjurkan aktiviti yang dinamakan *Friday Night Fever Mobile Fiesta Carboot Sales UTHM 2016* di tapak letak kenderaan bersebelahan Padang Kawad UTHM, baru-baru ini.

Program ini adalah rentetan daripada penganjuran *Mega Mobile Fiesta Carboot Sales UTHM 2015* iaitu satu program yang telah menghimpunkan sebanyak 579 penyertaan kenderaan pada 25 dan 26 Disember 2015, sekali gus berjaya mencipta rekod dalam *The Malaysia Book of Record*.

Program *Friday Night Fever Mobile Fiesta Carboot Sales UTHM 2016* merupakan satu inisiatif sebagai memenuhi kehendak dan permintaan yang tinggi daripada golongan usahawan-usahawan mikro yang mempunyai kios bergerak seperti kereta, van, lori kecil makanan dan motosikal untuk mendapatkan platform perniagaan bagi barangan terpakai, produk dan perkhidmatan yang mereka dijalankan.

Selain itu, aktiviti perniagaan seperti ini diteruskan bertujuan untuk memberi



**ANTARA** usahawan lori kecil yang mengambil bahagian dalam program tersebut.

pendedahan dan peluang aktiviti keusahawanan kepada pelajar dan masyarakat khususnya di UTHM dan Batu Pahat serta kawasan sekitarnya.

Mengikut perancangan, aktiviti ini akan diteruskan pada hari Jumaat terakhir setiap bulan sepanjang tahun 2016 dengan memperkenalkan tema dan pengisian aktiviti yang berbeza bagi setiap bulan.